

SAMPAI BILA MASAALAH GAJI GURU AKAN SELESAI?

OLEH MALUNGUN

PADA pandangan orang ramai, dalam tempoh hampir sepuluh tahun kebelakangan ini perjuangan kaum guru nampaknya tertumpu kepada soal menuntut kenaikan gaji semata-mata. Ini jauh berbeza dengan perjuangan sebelumnya apabila guru-guru terlibat dengan perjuangan mengujudkan satu dasar pelajaran kebangsaan dan kedudukan Bahasa Malaysia — walaupun terdapat beberapa perbezaan di kalangan berbagai golongan guru sendiri dalam hubungan ini.

Perubahan perjuangan ini berikutnya telah turut memberi sumbangan kepada berubahnya pula sedikit sebanyak pandangan orang ramai kepada kaum guru, yang akhirnya telah menurunkan sedikit martabat serta pengaruh mereka di mata orang ramai.

Keadaan ini telah bertambah buruk lagi dengan berita-berita yang kerap tersiar mengenai 'durian runtuh' yang diterima oleh guru-guru dan kemudian diikuti pula oleh berita-berita tentang rasa tidak puas hati yang masih timbul di kalangan mereka walaupun telah berkali-kali menerima 'durian runtuh'.

Walaupun pendapat ini masih boleh dibahaskan dengan panjang lebar oleh kaum guru sendiri, tetapi hasil daripada tuntutan demi tuntutan mengenai gaji oleh guru-guru kebelakangan ini tidak dapat tidak menimbulkan dua pertanyaan di kepala orang ramai.

Pertama sekali adakah tuntutan gaji yang berterusan sekian lama itu bermakna bahawa kerajaan tidak pernah melayan atau menyelesaikan masalah ini?

Keduanya pula, sesudah diketahui bahawa kaum gurulah kini yang paling banyak menerima perubahan gaji, adakah mereka terus tidak berpuas hati dengan kenaikan itu atau adakah mereka tidak berterima kasih kepada rakyat yang menanggung beban terakhirnya?

Jawapan bagi soalan pertama sudah sedia dalam kepala orang ramai. Kita mengetahui dari berita-berita bahawa kerajaan telah pun membuat beberapa kali perubahan terhadap tanggagaji guru-guru.

Perubahan

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Muhammad, menerangkan bahawa sehingga ini kerajaan telah membayar sebanyak hampir \$265 juta untuk tanggagaji guru-guru sahaja.

Bayaran sebanyak ini adalah hasil dari pelaksanaan tiga perubahan dalam sekim gaji guru-guru dan pegawai-pegawai pelajaran, iaitu sekim gaji Aziz mulai 1 Januari 1970; gred baru bagi jawatan-jawatan gurubesar dan penolong kanan di sekolah-sekolah rendah; dan tanggagaji baru bagi pengelela, penolong pengelola sekolah, penyelia sains

rumah tangga dan penyelia perempuan sekolah di jabatan-jabatan pelajaran negeri.

Jumlah sebesar ini sebenarnya belum lagi termasuk tunggakan yang akan dibayar kepada guru-guru gred B1 dan B2 yang diberi dua kenaikan gaji hasil dari tuntutan mereka supaya disamakan dengan tanggagaji guru-guru gred C2.

Dakwaan bahawa guru-guru adalah golongan yang paling banyak menerima perubahan gaji bukanlah tidak berasas. Dr. Mahathir menjelaskan bahawa sejak merdeka tiga perubahan besar telah berlaku kepada sekim gaji guru-guru dalam usaha kerajaan untuk mengurangkan masalah yang timbul dari sekim gaji yang terlampau banyak dan jauh berbeza.

Perubahan pertama berlaku mulai bulan Julai 1961 dengan ujudnya satu sekim perkhidmatan guru-guru yang disatukan. Selepas itu kerajaan melaksanakan pula tanggagaji yang sama bagi pegawai-pegawai dan guru-guru wanita yang berjalan kuatkuasanya mulai 1 Mei 1969.

Perubahan paling besar ialah apabila kerajaan menerima dan me-



DR. MAHATHIR

laksanakan syor-syor Suruhanjaya Gaji Aziz yang berkuatkuasa mulai Januari 1970. Di bawah sekim ini perbezaan-perbezaan yang terlampau banyak dan tidak wajar dalam hampir 500 sekim gaji yang lama telah diperkecil ke dalam 11 sekim sahaja dan guru-guru dikumpulkan ke dalam empat gred yang jelas menuntut kelulusatan dan latihan yang mereka terima.

Selain dari itu, jelas Dr. Mahathir lagi, kerajaan juga telah meluluskan beberapa penyelarasan lain, iaitu tanggagaji guru-guru bahasa sendiri (kerajaan) latihan maktab dan bersijil; gred baru bagi jawatan gurubesar dan penolong kanan di sekolah rendah, tanggagaji

baru bagi pegawai-pegawai perkhidmatan pelajaran di jabatan-jabatan pelajaran dan terakhir sekali pembayaran dua kenaikan gaji kepada guru-guru dalam kategori B1 dan B2.

Berbeza

Dalam semua perubahan dan penyelarasan ini, terang Dr. Mahathir, satu asas yang dipegang ialah untuk memperkecil jurang gaji di antara berbagai kategori guru di bawah hampir 500 sekim yang lama.

Dalam masa peninjauan, tidak ada sebarang dasar dibuat tentang cara pengambilan guru, menyebabkan guru-guru boleh diambil dari serendah-rendah kelulusan

iaitu darjah lima sekolah Melayu sehinggalah kepada kelulusan setinggi-tingginya iaitu ijazah lanjutan dari universiti-universiti.

Kelulusan asas yang jauh berbeza dan tidak adanya satu badan khas menggubal tanggagaji guru-guru di zaman penjajahan dan tempoh-tempoh menjelang kemerdekaan itu telah mengujudkan hampir 500 sekim yang berbeza. Akibatnya ialah berlaku berbagai keganjilan dan ketidakadilan.

Tugas Suruhanjaya Aziz ialah membetulkan kedudukan ini dan mengurangkan kategori guru berpandukan kelulusan dan kelayakan tiap orang dari mereka. Hasilnya ialah empat kategori guru iaitu kategori B1 dan B2 bagi mereka yang berkelulusan rendah dari SRP/LCE dan mendapat berbagai latihan perguruan, kategori C1 dan C2 bagi mereka yang berkelulusan STP/HSC dan SPM/MCE serta mendapat latihan perguruan, kategori D1, D2 dan D3 bagi mereka yang berijazah dan mendapat diploma perguruan, serta kategori T1, T2, T3 dan T4 bagi guru-guru yang mendapat latihan teknikal.

Tetapi, seperti kata Dr. Mahathir, tentulah penyelesaian ini tidak dapat memuaskan hati kesemua 80,000 guru yang ada sekarang. Ia

dapat menyenangkan hati guru-guru yang dulunya mendapat gaji yang paling rendah tetapi termasuk ke dalam tanggagaji yang betul di bawah Sekim Aziz.

Guru-guru yang memang sudah berada dalam tanggagaji yang betul mengikut kelulusannya, cuma mendapat sedikit faedah sahaja melalui penyelerasan di bawah sekim ini, dan melihat faedah yang banyak diterima oleh guru kategori yang di bawahnya lebih banyak daripada yang diterimanya sendiri guru-guru ini dengan segera merasa tidak puas hati.

Contoh

Guru-guru yang sebelumnya mendapat kedudukan istimewa tetapi telah kehilangan keistimewaan tersebut di bawah Sekim Aziz juga merasa paling tidak puas hati. Mereka ini semua, melalui berbagai persatuan guru, dengan segera membuat tuntutan yang baru.

"Bukanlah kerajaan tidak mahu menyelesaikan segala tuntutan tersebut," tegas Dr. Mahathir. "Kerajaan memang ingin mengurangkan masalah yang timbul dari gaji guru-guru tetapi tidak semua masalah itu dapat diselesaikan seperti yang dikehendaki oleh guru-guru. Tiap kali penyelerasan yang baru cuba dibuat berdasarkan tuntutan itu, lebih banyak lagi tuntutan baru akan timbul."

Beliau memberi keputu-

san memberi gred baru bagi jawatan-jawatan gurubesar dan penolong kanan di sekolah-sekolah rendah yang dilaksanakan tidak lama dulu sebagai contoh.

Menurut Suruhanjaya Aziz, gurubesar-gurubesar dan penolong kanan mempunyai tugas-tugas tambahan yang berbeza dari tugas guru biasa, dan kerana itu mengesyorkan supaya mereka ditetapkan ke dalam satu gred yang tersendiri.

Tetapi gred yang ditetapkan itu meletakkan pula kelulusan akademik tertentu sebagai kelayakan penyandangannya.

"Kalau kita hendak melaksanakan sepenuhnya syor itu, sebilangan ramai daripada guru-guru besar dan penolong kanan sekolah-sekolah rendah sekurang tidak layak menyandang jawatan itu," kata Dr. Mahathir.

Kerana itu kerajaan telah bersetuju mengekalkan guru-guru yang menyandang jawatan tersebut antara tempoh 1 April 1972 hingga 31 Disember 1974 sebagai pemegang jawatan itu dan meletakkan mereka ke dalam gred dan tanggagaji yang betul mengikut Sekim Aziz.

Ketika guru-guru yang terlibat bergembira dengan keputusan itu, ia telah menimbulkan rasa kurang senang kepada sebilangan guru-guru yang lain. Bagaimana halnya dengan guru-guru yang mempunyai kelulusan lebih tinggi tetapi mendapat gred yang ter-

DARI MUKA 4

keberah daripada gred gurubesar itu? Bagaimana pula halnya dengan guru-guru yang pernah menjadi gurubesar beberapa lama tetapi bertukar ke sekolah menengah sebagai guru biasa beberapa bulan menjelang keputusan itu?

"Akibatnya," kata Dr. Mahathir, "dari pelaksanaan gred baru bagi gurubesar itu kementerian telah menerima 18 tuntutan baru."

Demikianlah pelaksanaan syor Suruhanjaya Aziz sehingga ini telah menimbulkan 114 lagi tuntutan dari guru-guru yang merasa tidak puas hati. Dari 114 tuntutan itu 87 ialah tuntutan yang lama yang dibuat sebaik pelaksanaan dilakukan sementara 27 lagi adalah tuntutan yang berbangkit setelah beberapa penyesuaian dibuat.

Pada umumnya, tuntutan-tuntutan itu semua timbul bukanlah kerana gaji guru-guru di Malaysia masih rendah tetapi adalah kerana rasa tidak puas hati melihat setengah golongan mendapat faedah yang lebih banyak.

"Pada mulanya guru-guru mahu jurang perbezaan gaji antara mereka dirapatkan," kata Dr. Mahathir. "Tetapi apabila jurang ini

telah dirapatkan, setengahnya merasa mereka tidak mendapat keadilan dan menghujah: Jika guru-guru yang dulunya lebih rendah daripada mereka dinaikkan gajinya demikian tinggi, mengapa mereka yang dulunya sudah tinggi tidak dinaikkan dengan kadar yang sama?

"Sebaliknya, jika tuntutan dengan hujah demikian dilayan, hasilnya ialah berlakunya semula jurang yang terlalu luas seperti sebelum usaha merapatkannya dulu dilakukan."

Pertanyaan mengapa guru-guru terus merasa tidak puas hati dan adakah mereka tidak berterima kasih dengan perubahan-perubahan dan faedah-faedah yang telah mereka dapati adalah soal yang patut dijawab oleh guru-guru sendiri.

Yang jelas ialah bahawa setiap perubahan baru yang akan diluluskan oleh kerajaan berikutan dengan tuntutan mereka akan memikulkan tanggungan yang lebih berat kepada seluruh rakyat, dan meluaskan lagi jurang pendapatan antara guru (dan lain-lain kakitangan kerajaan) dengan rakyat biasa terutamanya penduduk luar bandar.

LIHAT MUKA 14

Negara sebenarnya telah meletakkan pelajaran sebagai perkhidmatan yang paling utama sekali dan menyediakan peruntukan yang paling besar kepadanya berbanding dengan lain-lain perkhidmatan.

Dalam belanjawan Kerajaan Malaysia tahun 1975, sebanyak \$1,287,412,794 telah diutukkan bagi mengurus dan membangun perkhidmatan pelajaran (termasuk Sabah dan Sarawak). Walaupun pertahanan adalah juga amat penting, tetapi kementerian itu hanya menduduki tempat kedua dari segi keutamaan dengan peruntukan sebanyak \$1,018,045,269.

Gaji

Dari peruntukan Kementerian Pelajaran itu, sebanyak \$634,086,414 adalah untuk bayaran gaji di Semenanjung Malaysia sahaja (iaitu lebih kurang 60 peratus daripada peruntukan perbelanjaan bagi Semenanjung Malaysia).

Jika dibandingkan dengan perbelanjaan untuk gaji perkhidmatan pelajaran tahun 1970, maka peruntukan gaji bagi tahun ini telah meningkat hampir 100 peratus. Gaji perkhidmatan pelajaran 1970 berjumlah \$325,482,932 sementara

peruntukan tahun ini ialah \$634,086,414.

Orang biasanya mengikut kemajuan sesuatu perkhidmatan melalui penghasilan yang dicapainya. Jika jumlah kemasukan murid-murid ke sekolah tiap tahun dapat dijadikan ukuran hasil, maka kemajuan penghasilan perkhidmatan pelajaran ialah 25 peratus lebih tinggi dari tahun 1970. Kemasukan tahun 1970 ialah 1,900,845 murid sementara tahun 1975 berjumlah 2,320,865.

Tetapi jika dibandingkan kemajuan penghasilan ini dengan pertambahan gaji dalam tempoh yang sama, kita mendapati kemajuan yang tidak seimbang. Ketika gaji bertambah 100 peratus, penghasilan hanya meningkat 25 peratus sahaja.

Sikap yang ditunjukkan oleh setengah-setengah guru dalam perkhidmatan mereka juga tidak banyak membantu menukar gambaran ini. Kita kerap mendengar guru-guru yang tidak begitu bersedia memberikan khidmat mereka di luar waktu sekolah.

Beberapa pegawai pelajaran negeri juga telah melaporkan kesulian mereka untuk menukarkan setengah-setengah guru kerana kebanyakan guru yang sudah lama-mengajar di bandar tidak begitu rela ditukarkan ke luar bandar.

Setengah dari mereka menggunakan orang-orang kenamaan untuk memper tahankan tempat mereka di dalam bandar.

Baru-baru ini Kesatuan Kebangsaan Perkhidmatan Perguruan telah memberi tempoh sehingga akhir bulan September ini untuk kerajaan menyelesaikan apa yang mereka namakan 'keganjilan-keganjilan' dalam gaji guru-guru. Jika kerajaan tidak dapat memberi penyelesaian yang memuaskan sehingga tempoh ini, mereka mengancam akan bertindak.

Apakah bentuk tindakan yang akan mereka ambil tidaklah diketahui, tetapi yang jelas ialah bahawa tuntutan mereka itu tidak mungkin akan dapat diselesaikan dalam tempoh yang mereka beri.

Soal penyelesaiannya sebenarnya bergantung kepada dua perkara Besar. Pertamanya adakah satu formula yang memuaskan kehendak begitu ramai guru dari berbagai persatuan boleh dicari atau tidak. Sehingga ini, menurut Menteri Pelajaran, di antara kesatuan-kesatuan guru itu sendiri tidak ada satu kata sepakat.

Yang keduanya ialah apakah negara mempunyai kemampuan dalam saat ini memikul bebanan yang lebih banyak untuk membayar penyelesaian itu?

Perdana Menteri Tun Abdul Razak baru-baru ini telah melancarkan rancangan berjimat dalam kerajaan. Terpaksanya rancangan ini diambil ialah kerana kedudukan ekonomi negara sekarang yang sudah sampai ke peringkat meleset yang amat genting.

Sekarang terserahlah kepada guru-guru sendiri turut sama memikirkan hal ini.